

# Slogan 'hargo gilo' tarik pembeli

**R**EMBAU: Menggunakan slogan 'hargo gilo' yang bermaksud jualan runtuh, peniaga telur, Zulkefli Bidin, berupaya menarik pelanggan ke gerainya di Jalan Seremban-Tampin, berhampiran pekan Chengkau, di sini, sekali gus menggandakan jualannya setiap hari.

Slogan itu bukan setakat cakap kosong kerana Zulkefli, 42, memang menjual telur ayam pada harga murah antaranya telur gred C dijual pada harga 20 sen sebiji dan gred A, 22 sen.

Sejak dibuka lima tahun lalu, gerai Zulkefli yang juga dikenali dalam kalangan pelanggannya sebagai Zol Tolo mendapat sambutan menggalakkan terutama daripada penduduk setempat serta pengguna jalan raya kerana harga yang murah.

Malah, disebabkan lokasinya yang strategik dan slogan yang menarik perhatian itu, gerai yang dipenuhi

susunan telur ayam itu seakan-akan sinonim dengan pekan Chengkau.

Kebanyakan pengguna jalan raya yang biasa melalui laluan Seremban-Tampin itu pasti singgah di gerai berkenaan.

Zulkefli yang berkelulusan Diploma Perniagaan berkata, beliau memulakan perniagaan itu dengan modal RM2,000 selepas berhenti kerja dengan sebuah syarikat pengiklanan kerana berasa gaji diterimanya tidak setimpal.

"Kemudian saya nekad untuk bermula dengan telur ayam kerana tidak ramai orang Melayu terbabit dalam perniagaan ini.

"Saya mahu membuktikan seseorang itu boleh berjaya dan mendapat pendapatan lumayan walaupun dengan hanya menjual telur ayam," katanya kepada Sentral.

Beliau mendapatkan bekalan telur ayam daripada penternak di

## PROFIL

Nama penuh: Zulkefli Bidin

Umur: 42

Asal: Kampung Chengkau, Rembau, Negeri Sembilan.

Isteri: Nor Haliza Ngah Jais.

Anak: Empat orang.

kawasan sekitar.

Katanya, secara purata beliau berupaya menjual kira-kira 10,000 telur ayam setiap hari dengan kebanyakan pembeli membeli secara borong di gerai yang dibuka bermula jam 9 pagi hingga 7 malam itu.

Zulkefli berkata, beliau kini membuka membuka dua cawangan gerai telur itu di Taman Satria, Senawang dan Hulu Langat, Selangor dan bercadang untuk mengembangkan lagi perniagaannya.



ZULKEFLI (kanan) melayan pelanggan di gerai telur miliknya di Pekan Chengkau, Rembau.